



PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA BERHAD

(Kementerian Sumber Manusia)

Wisma PSMB

Jalan Beringin

Bukit Damansara

50490 Kuala Lumpur

Tel : 03-2096 4800

Faks : 03-2096 4942

Laman Web : www.hrdf.com.my

Rujukan : ()PSMB/20/43/1 Klt 1

Tarikh : 30 Januari 2013

PENGARAH URUSAN / PENGURUS SUMBER MANUSIA / PENGURUS LATIHAN

Tuan / Puan

**JEMPUTAN KE SEMINAR PENGIKTIRAFAN PENCAPAIAN TERDAHULU (PPT) BAGI TAHUN 2013 BERSAMA
PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA BERHAD (PSMB) DAN JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN (JPK)**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara yang di atas.

2. Dalam usaha untuk meningkatkan bilangan pekerja mahir di negara kita, satu usahasama di antara PSMB dan JPK telah dibuat untuk memberi penerangan dengan lebih jelas berhubung dengan Skim Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT) di bawah Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia (KWPSM) dan JPK. Satu insentif tambahan berjumlah RM 3 juta telah diperuntukkan oleh PSMB berhubung dengan pembiayaan yuran kursus yang dikenakan oleh JPK berjumlah RM300.00 pada setiap tahap yang dipohon. Penyertaan adalah terhad mengikut peruntukan yang telah ditetapkan dan berdasarkan **"First Come First Serve Basis"**.

3. Oleh yang demikian satu taklimat khas kepada majikan berdaftar akan dijalankan untuk memudahkan lagi urusan mengemukakan permohonan geran latihan di bawah KWPSM dan juga JPK. Taklimat tersebut adalah **percuma**. Jadual dan atucara taklimat adalah seperti di **Lampiran A** dan **Lampiran B**.

4. Sehubungan itu, pihak tuan dijemput untuk **HADIR** bagi membincangkan mengenai masalah-masalah yang dihadapi dalam mengemukakan permohonan geran latihan. Keutamaan akan diberikan kepada pegawai / kakitangan yang bertanggungjawab mengemukakan permohonan geran latihan sahaja memandangkan tempat adalah terhad. **Sila hantarkan Borang Pengesahan Kehadiran (LAMPIRAN B) kepada PSMB selewat-lewatnya 7 hari sebelum taklimat bermula seperti yang dijadualkan.** Sebarang pertanyaan boleh berhubung dengan Syarifah Ida / Sarina / di talian 03-2096 4709/ 4820.

Sekian, terima kasih

"HRDF – SHAPING PEOPLE"

"PEKERJA BERINOVATIF PENGGERAK TRANSFORMASI"

Yang ikhlas

Ramdan Yusof

(MOHAMED RAMDAN BIN MOHAMED YUSOF)

b.p Ketua Eksekutif

Pembangunan Sumber Manusia Berhad

Aturcara Program Seminar Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT) bagi tahun 2013

Masa	Aktiviti
9.00 pagi	: Sesi Pendaftaran.
9.30 pagi	: Taklimat Pengenalan JPK dan Skills Malaysia Partnership (SMP) oleh Pegawai Bahagian PKS
10.00 pagi	: Minum pagi
10.30 pagi	: Taklimat Berkenaan Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT) oleh Pegawai MOSQ
11.30 pagi	: Taklimat Berkenaan Skim Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT) oleh Pegawai PSMB
12.00 t/hari	: Taklimat Direktori Pakar Industri Negara (DPIN) oleh Pegawai CIAST
12.30 t/hari	: Makan tengahari & bersurai

JEMPUTAN KE SESI TAKLIMAT KHAS SKIM PENGIKTIRAFAN PENCAPAIAN TERDAHULU (PPT) BERSAMA PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA BERHAD (PSMB) DAN JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN (JPK)

Nombor Faks: 03- 20876274 / 20964942

Jika ada sebarang pertanyaan, sila hubungi seketariat di talian 03-2096 4820 / 4709

Sila isi tarikh dan lokasi yang dipilih:

	TARIKH	LOKASI
	19 FEBRUARI 2013	CITITEL MID VALLEY
	20 FEBRUARI 2013	CRYSTAL CROWN PETALING JAYA
	26 FEBRUARI 2013	DE PALMA SHAH ALAM
	27 FEBRUARI 2013	CRYSTAL CROWN KLANG
	28 FEBRUARI 2013	RESIDEN HOTEL @ UNITEN KAJANG

A. MAKLUMAT PESERTA

NO.	NAMA	I/C NO.	JAWATAN
1.			
2.			
3.			

B. PENGESAHAN MAJIKAN

1. Pegawai Bertanggungjawab	
2. Nama Syarikat	
3. Alamat	
4. No. Telefon	
5. No H/P.	
6. No. Fax	
7. E – Mail	
8. Tandatangan	